



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 03/12

MAJLIS GRADUASI MAKTAB KETAHANAN NASIONAL, MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DI PUSAT PENGAJIAN PERTAHANAN NASIONAL TAHUN 2024

1. **PUTRAJAYA, 7 Dis 2024** - Menteri Pertahanan, **YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah menyempurnakan Majlis Graduasi Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) tahun 2024 bertempat di Auditorium Utama, Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS) pada hari ini.
2. Majlis graduasi yang dilaksanakan serentak bagi ketiga-tiga Maktab di bawah naungan PUSPAHANAS hari ini memperlihatkan **penglibatan keseluruhan seramai 270 orang Pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM)** daripada ketiga-tiga cabang Perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) termasuk Pegawai Angkatan Tentera Negara Asing serta Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) daripada kementerian dan agensi kerajaan iaitu Kementerian Pertahanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).
3. Sesi pertama majlis graduasi pada kali ini menyaksikan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan **penganugerahan sijil kursus dan lencana MKN kepada 22 orang penuntut Kursus MKN Siri 5/2024** terdiri daripada 18 orang Pegawai Kanan berpangkat Brigedier Jeneral dan Kolonel setaraf daripada ketiga-tiga cabang Perkhidmatan ATM serta 4 orang Pegawai Kanan Negara Asing. Maktab ini merupakan institusi tunggal yang membahaskan secara khusus sembilan tonggak Dasar Keselamatan Negara dan menjadi platform mempromosikan "Whole of Goverment Approach" selain penekanan berkaitan kesedaran keselamatan.
4. Sesi kedua pula merakamkan **penganugerahan Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) beserta sijil kursus dan lencana MPAT kepada 61 orang penuntut Kursus MPAT Siri 44/2024** meliputi Pegawai Kanan berpangkat Leftenan Kolonel setaraf daripada ketiga-tiga cabang Perkhidmatan ATM, 6 orang Pegawai Kanan Negara Asing serta masing-masing seorang bagi Pegawai Kanan APMM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pengajian MPAT bertujuan melahirkan Pegawai Kanan Tentera dan awam yang yang dapat berinteraksi secara efisen dengan badan pemerintah, ahli akademik dan cendekiawan bagi aspek pertahanan dan keselamatan.
5. Manakala sesi terakhir majlis graduasi pada kali ini telah disempurnakan menerusi **penganugerahan diploma beserta sijil kursus dan lencana MTAT kepada 141**

orang penuntut Kursus MTAT Siri 53/2024 berpangkat Mejar dan setaraf daripada ketiga-tiga cabang Perkhidmatan ATM, 36 orang Pegawai Tentera Negara Asing dan masing-masing seorang bagi Pegawai APMM dan PDRM. Kursus MTAT ini meletakkan objektif utama bagi melahirkan pemimpin yang berkualiti dan memiliki kemahiran merancang, melaksanakan dimensi peperangan serta pengurusan sumber dalam domain peperangan bersama.

6. Turut hadir sewaktu kelangsungan majlis graduasi ini adalah Panglima Angkatan Tentera; Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Datuk Lokman Hakim bin Ali, Panglima Tentera Darat; Jeneral Tan Sri Dato' Wira Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Laut; Laksamana Datuk Zulhelmy bin Ithnain, Timbalan Panglima Tentera Udara; Leftenan Jeneral Dato' Sri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota; Leftenan Jeneral Datuk Hj Mohd Nizam bin Hj Jaffar, Presiden PUSPAHANAS; Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali, Atase-atase Pertahanan, Pegawai Kanan ATM dan Pegawai Kanan Awam Kementerian Pertahanan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 7 Dis 2024**